



Ruj. Kami : HKL/KEW/T/98/172/1 (21)
Tarikh : 15 September 2022

EDARAN SEPERTI DI LAMPIRAN

YBhg. Datin Paduka/Dr./Tuan/Puan,

SURAT PEKELILING CAWANGAN KEWANGAN

**TARIKH AKHIR PENYERAHAN DOKUMEN KEWANGAN
BAGI TAHUN KEWANGAN 2022
HOSPITAL KUALA LUMPUR**

1. TUJUAN

- 1.1 Surat Pekeliling ini dikeluarkan untuk memaklumkan kepada semua Jabatan/Cawangan/Unit mengenai tarikh akhir penyerahan dokumen kewangan bagi tahun kewangan 2022 di Cawangan Kewangan oleh semua Jabatan/Cawangan/Unit di Hospital Kuala Lumpur selaras dengan penutupan Akaun Awam Persekutuan bagi tahun kewangan 2022.
- 1.2 Pekeliling ini dibuat berdasarkan tarikh penutupan akaun yang dijangka pada 30 November 2022 (berdasarkan tarikh penutupan akaun tahun 2021). Pekeliling ini tidak terpakai untuk IPR dan HTA di mana arahan penutupan adalah tertakluk kepada Pejabat Kewangan masing-masing.

2. TARIKH AKHIR PENYERAHAN DOKUMEN KEWANGAN UNTUK PEMBAYARAN

- 1.1 Tarikh akhir penyerahan dokumen kewangan untuk bayaran bagi tahun kewangan 2022 di Cawangan Kewangan HKL telah ditetapkan seperti berikut :-

JENIS DOKUMEN KEWANGAN	TARIKH AKHIR SERAHAN DOKUMEN
Permohonan pengeluaran Pesanan Kerajaan/Inden Kerja <i>*Pihak Jabatan/Cawangan/Unit perlu memastikan semua penghantaran barang/kerja-kerja dapat disempurnakan selewat-lewatnya pada 10 November 2022 (Khamis).</i>	31 Oktober 2022 (Isnin)

JENIS DOKUMEN KEWANGAN	TARIKH AKHIR SERAHAN DOKUMEN
Tuntutan Sara Ubat/Pesara bagi bekalan ubat/alat	31 Oktober 2022 (Isnin)
Semua tuntutan Panjar Wang Runcit	31 Oktober 2022 (Isnin)
Borang permohonan pengeluaran Waran Perjalanan Udara Awam (WPUA) termasuk bagi mengunjungi wilayah asal	31 Oktober 2022 (Isnin)
Tarikh akhir penghantaran pesakit ke hospital swasta (<i>outsourcing</i>)	31 Oktober 2022 (Isnin)
Tuntutan bayaran penyediaan Laporan Perubatan/tuntutan bagi Bayaran Insentif Perkhidmatan di IJNSB	4 November 2022 (Jumaat)
Tuntutan Perjalanan, Elaun Lebih Masa, EKLWBB dan lain-lain tuntutan semua jenis elaun dan bayaran balik untuk bulan Oktober 2022	4 November 2022 (Jumaat)
Semua Bil/Invois bagi <i>outsourcing</i> yang dikeluarkan sehingga 31 Oktober 2022	11 November 2022 (Jumaat)
Semua Bil/Invois bagi bayaran melalui Invois Tanpa PT, Pesanan Tempatan, Inden Kerja dan kontrak termasuk untuk pembelian aset dan alat bagi Sara Ubat/Pesara yang dikeluarkan sehingga 31 Oktober 2022	11 November 2022 (Jumaat)
Pinjaman Komputer dan Telefon Pintar (<i>Smartphone</i>)	11 November 2022 (Jumaat)
Tuntutan Perjalanan, Elaun Lebih Masa, EKLWBB dan lain-lain tuntutan semua jenis elaun dan bayaran balik untuk bulan November 2022	9 Disember 2022 (Jumaat) <i>*Bayaran akan dibuat pada 2023 secara AP58(a)</i>
Tuntutan Perjalanan, Elaun Lebih Masa, EKLWBB dan lain-lain tuntutan semua jenis elaun dan bayaran balik untuk bulan Disember 2022	10 Januari 2023 (Selasa) <i>*Bayaran akan dibuat pada 2023 secara AP58(a)</i>

3. IMPLIKASI JIKA TIDAK MEMATUHI TARIKH YANG TELAH DITETAPKAN

- 3.1 Adalah diingatkan bahawa sekiranya Pesanan Tempatan di bawah Jabatan/Cawangan/Unit tidak diselesaikan sebelum tarikh akhir yang telah ditetapkan di atas, bayaran hanya akan dibuat pada tahun 2023 menggunakan peruntukan tahun 2023 setelah mendapat kelulusan Kementerian Kewangan.
- 3.2 Bagi elaun-elaun kakitangan yang dibuat pada tahun 2022 tetapi tidak mengemukakan borang tuntutan sebelum tarikh yang ditetapkan, tuntutan tersebut akan diproses mengikut prosedur AP58(a) dan bayaran hanya akan dibuat pada tahun 2023 setelah mendapat kelulusan Kementerian Kewangan.
- 3.3 Tuntutan Perjalanan November dan Disember 2022 perlu dikemukakan mengikut tarikh yang ditetapkan sepertimana ketetapan di bawah AP100(a) iaitu tuntutan perjalanan hendaklah dikemukakan tidak lewat daripada 10 hari bulan dalam bulan yang berikutnya. Sekiranya tidak mematuhi tarikh yang ditetapkan, Pengarah Hospital Kuala Lumpur berhak menolak tuntutan tersebut.
- 3.4 Pembayaran melalui Invois Tanpa PT seperti tuntutan Bayaran Balik Bil Telefon Bimbit, Bayaran Balik Pembelian Telefon Bimbit, *Full Registration Certificate (FRC)*, *Annual Practicing Certificate (APC)* dan lain-lain perlu dikemukakan pada bulan pembayaran dibuat oleh pegawai. Tindakan mengumpul tuntutan selama beberapa bulan dan lewat mengemukakannya kepada Cawangan Kewangan adalah tidak dibenarkan, Pengarah Hospital Kuala Lumpur berhak menolak tuntutan tersebut.

4. PENUTUP

- 4.1 Semua Jabatan/Cawangan/Unit hendaklah merancang lebih awal untuk mengelakkan penyerahan dokumen kewangan pada saat akhir bagi memastikan semua bayaran dapat diproses dalam tahun semasa, iaitu tidak dicaj kepada vot tahun 2023 di bawah AP58(a). Justeru itu, semua Jabatan/Cawangan/Unit perlulah mematuhi tarikh akhir penyerahan dokumen kewangan dengan mengambilkira beban tugas dan keupayaan di setiap Jabatan/Cawangan/Unit serta memanjangkan arahan ini kepada kakitangan di bawah penyeliaan masing-masing.
- 4.2 Surat Pekeliling ini adalah tertakluk kepada pindaan dan bergantung kepada Arahan Penutupan Akhir Tahun yang akan dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan, Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) dan Bahagian Akaun, Kementerian Kesihatan Malaysia.

Sekian, terima kasih.

**“WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030”
“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalan amanah,



(DATIN PADUKA DR. ROHANA BINTI JOHAN) (MPM29304)

Pengarah

Hospital Kuala Lumpur

Salinan kepada :-

1. Timbalan Pengarah (Pengurusan)
2. Timbalan Pengarah (Perubatan I)
3. Timbalan Pengarah (Perubatan II)
4. Timbalan Pengarah (Perubatan III)
5. Timbalan Pengarah (Farmasi)
6. Ketua Cawangan Kewangan
7. Fail

SENARAI EDARAN:

1. Ketua Jabatan Kecemasan dan Trauma
2. Ketua Jabatan Ortopedik
3. Ketua Jabatan Bedah Kanak-Kanak
4. Ketua Jabatan Pediatrik
5. Ketua Jabatan Obstetrik dan Ginekologi
6. Pengarah Institut Perubatan Forensik Negara
7. Ketua Jabatan Pembedahan Am
8. Ketua Jabatan Anestesiologi dan Rawatan Rapi
9. Ketua Jabatan Perubatan Am
10. Ketua Jabatan Bedah Mulut
11. Ketua Jabatan Neurologi
12. Ketua Jabatan Patologi
13. Ketua Jabatan Pergigian Pediatrik
14. Ketua Jabatan Psikiatri dan Kesihatan Mental
15. Ketua Jabatan Urologi
16. Ketua Pusat Penyelidikan Klinikal
17. Ketua Jabatan Nefrologi
18. Ketua Jabatan Otorinolaringologi
19. Ketua Jabatan Radioterapi dan Onkologi
20. Ketua Jabatan Pembedahan Neuro
21. Ketua Jabatan Radiologi
22. Ketua Jabatan Oftalmologi

23. Ketua Jabatan Perubatan Nuklear
24. Ketua Jabatan Dermatologi
25. Ketua Jabatan Pusat Sumber Transplan Nasional
26. Ketua Jabatan Genetik
27. Ketua Jabatan Pembedahan Plastik
28. Ketua Jabatan Perubatan Rehabilitasi
29. Ketua Jabatan Dietetik dan Sajian
30. Ketua Unit Kesihatan Awam
31. Ketua Unit Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan
32. Ketua Unit Pengurusan Kualiti
33. Ketua Unit Kawalan Infeksi
34. Ketua Unit Pengurusan Pegawai Perubatan
35. Ketua Unit Perolehan Organ Hospital (UPOH)
36. Ketua Unit Etika dan Medikolegal
37. Ketua Jabatan Kerja Sosial Perubatan
38. Ketua Unit Kejuruteraan (Operasi)
39. Ketua Cawangan Sumber Manusia
40. Ketua Unit Psikologi Kaunseling
41. Ketua Cawangan Pembangunan dan Penswastaan
42. Ketua Unit Pendidikan Kesihatan
43. Ketua Bahagian Perkhidmatan Kejururawatan
44. Ketua Unit Komunikasi Korporat
45. Ketua Jabatan Pemulihan Carakerja
46. Ketua Jabatan Fisioterapi

47. Ketua Cawangan Teknologi Maklumat

48. Ketua Cawangan Pentadbiran

49. Ketua Cawangan Pengurusan Latihan

50. Ketua Bahagian Penyeliaan Hospital

51. Ketua Unit Perpustakaan

52. Ketua Jabatan Rekod Perubatan

53. Ketua Cawangan Keselamatan

54. Ketua Unit Pendidikan Berterusan

55. Ketua Unit Bekalan Alatan Steril